



Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, laman sesawang Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) masih terus memberi khidmat kepada penduduk dan pelanggan sebagai salah satu saluran penyampaian maklumat dan platform perkhidmatan digital untuk faedah kita bersama. Adalah menjadi harapan saya agar laman sesawang ini menjadi salah satu saluran yang membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat yang terkini berkaitan MPAJ selain daripada saluran laman sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube. Semua maklumat berkaitan sejarah dan pentadbiran MPAJ boleh diperolehi dengan tepat dan cepat.

Selari dengan inisiatif Smart Selangor, MPAJ telah membangunkan pelbagai aplikasi elektronik yang bertindak sebagai komunikasi maya antara warga kerja MPAJ dengan pelanggan yang dihormati. Aplikasi Komuniti Pintar MPAJ atau lebih dikenali sebagai iComm ('Intelligent Community') merupakan gerbang perkhidmatan dan pembayaran bagi cukai taksiran, kompaun, tempahan dewan, permit, pelesenan dan tender. Pembayaran boleh dibuat secara atas talian melalui FPX ('Financial Process Exchange') atau kad kredit. Sekiranya terdapat aduan atau cadangan berkaitan perkhidmatan MPAJ, portal aduan MPAJ tersedia untuk menerima butiran aduan dan cadangan. Borang perkhidmatan MPAJ turut tersedia secara salinan digital dalam laman sesawang ini. Bagi tujuan memperkasakan usaha promosi perkhidmatan, TV MPAJ turut tersedia untuk tontonan pelanggan.

Laman sesawang MPAJ turut menyediakan maklumat berkaitan profil, pengurusan, perkhidmatan, bersama komuniti, garis panduan, program kemasyarakatan, panduan perundangan dan senarai tempat menarik di kawasan MPAJ. Besarlah harapan saya agar laman sesawang ini dapat memenuhi fungsinya sebagai sumber rujukan dan ilmu yang berguna kepada masyarakat dalam dan luar negara. Sebarang maklum balas dan cadangan penambahbaikan adalah amat dialu-alukan.

Sekian, terima kasih.

MOHD FAUZI BIN MOHD YATIM SMS
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

